



**KENYATAAN MEDIA**  
**Untuk Siaran Segera**

***#drivesafenoregrets***

**PUSPAKOM TAWAR PEMERIKSAAN KENDERAAN PERCUMA**  
**SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI**

---

**Shah Alam, 9 Jun** - Perjalanan yang selamat bermula dari sikap pemanduan yang cermat dan kenderaan yang selamat. Oleh itu sempena musim perayaan ini, **PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM)** akan melancarkan kempen ***#drivesafenoregrets*** dengan menawarkan perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Persendirian Sukarela atau *Voluntary Vehicle Inspection (VVI)* secara PERCUMA mulai 13 Jun 2017 sehingga 23 Jun 2017 di pusat pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM.

Kempen ***#drivesafenoregrets*** ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemanduan berhemah, dan juga menggalakkan pemilik kenderaan menjalankan pemeriksaan VVI di PUSPAKOM bagi memastikan kenderaan mereka berada di dalam keadaan yang selamat sebelum balik ke kampung dimusim perayaan nanti.

Pemeriksaan VVI percuma ini akan dijalankan di semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM, **kecuali** di Shah Alam, Taman Bukit Maluri, Mak Mandin dan Kota Bharu, yang dikhaskan untuk pemeriksaan kenderaan perdagangan sahaja.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail, "Pemeriksaan VVI ini merangkumi 25 peringkat ujian secara menyeluruh termasuk ujian Pengeluaran Asap, Gelincir Sisi, Suspensi, Ketelusan Cahaya Cermin, Brek serta Lampu. Laporan VVI akan dikeluarkan sejurus selepas pemeriksaan kenderaan dijalankan dan laporan ini boleh digunakan oleh pemilik untuk mengetahui keadaan



kenderaan mereka dan mengesan sebarang kerosakan. Pemilik kenderaan seterusnya seterusnya boleh melakukan pembaikan dan penyelenggaraan yang sewajarnya.”

“Pada musim perayaan yang sama pada tahun lepas, PUSPAKOM telah memeriksa sejumlah 3,000 buah kenderaan. Melalui kempen *#drivesafenoregrets* ini, PUSPAKOM mensasarkan peningkatan sebanyak 10 peratus jumlah pemeriksaan kenderaan pada tahun ini. Kami berharap lebih ramai pemandu mengambil inisiatif menghantar kenderaan mereka untuk pemeriksaan VVI secara percuma ini bagi memastikan kenderaan berada dalam keadaan terbaik dimusim perayaan ini.” sambung Shukor.

Kempen VVI secara percuma ini akan bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang setiap hari (tertakluk kepada waktu operasi setiap cawangan di negeri berlainan). Pelanggan VVI akan diberi keutamaan di mana pelanggan boleh terus mengunjungi cawangan kami tanpa perlu membuat sebarang temujanji.

Sempena kempen ini, PUSPAKOM juga menganjurkan Pertandingan *#drivesafenoregrets 'Write Caption & Win'*, di mana para pelanggan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik yang ditawarkan. Para pelanggan hanya perlu hadir menjalani pemeriksaan VVI dengan menghantar *kapsyen* gambar melalui “*private message*” di Facebook PUSPAKOM. Pemenang Hadiah Super Grand Prize akan ditentukan berdasarkan jumlah 'Like' tertinggi dan juga komen kapsyen yang paling kreatif. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pertandingan ini boleh dimajukan ke laman facebook <https://www.facebook.com/puspakomvehicleinspection>

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Pemeriksaan VVI ini, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) untuk mendapatkan senarai cawangan PUSPAKOM seluruh negara.



## MAKLUMAT TAMBAHAN

PUSPAKOM akan melanjutkan waktu operasi pada **17 Jun 2017 (Sabtu)**, dari jam 8 pagi sehingga 5 petang, di beberapa cawangan tertentu, iaitu Wangsa Maju, Padang Jawa, Taman Bukit Maluri, Batu Caves, Petaling Jaya, Cheras, Mak Mandin, Perai, Teluk Kumbar, Alor Setar, Gopeng, Kuatan, Johor Bahru, Alor Gajah, Seremban, Skudai, Taman Daya, Kuching dan Kota Kinabalu, bagi memenuhi permintaan yang dijangka tinggi sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri ini.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

### **Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan**

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.


Tel: +603-2052 7465 / 7322

FB: [facebook.com/puspakomvehicleinspection](https://www.facebook.com/puspakomvehicleinspection)

### **Mengenai PUSPAKOM**

*Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, tukar milik, pendaftaran kenderaan import dan pemeriksaan kenderaan sukarela.*

Bacaan ujian brek yang akan menunjukkan kecekapan brek akan dicetak atas keputusan pemeriksaan





Pertandingan #drivesafenoregrets 'Write Caption & Win' ini dibuka kepada semua pemilik kenderaan persendirian yang hadir menjalani pemeriksaan VVI di PUSPAKOM

 **#drivesafenoregrets**  
**“Write Caption & Win”**  
Pemeriksaan Kenderaan\* Sukarela Secara PERCUMA  
bermula 13 hingga 23 Jun 2017



- 1** Hadir untuk menjalani pemeriksaan kenderaan PERCUMA di mana-mana cawangan PUSPAKOM
- 2** Like Facebook rasmi PUSPAKOM
- 3** PM kami di Facebook dengan memberikan kapsyen gambar sebelah (tidak lebih daripada 20 patah perkataan) dan masukkan #drivesafenoregrets berserta nombor pendaftaran kenderaan dan nama cawangan/unit bergerak PUSPAKOM yang dikunjungi

**Tarikh tutup penyertaan : 28 Jun 2017**  
Kapsyen-kapsyen yang terpilih akan dipaparkan di Facebook PUSPAKOM. Keputusan akan dinilai berdasarkan jumlah "FB likes" yang terbanyak dan kapsyen yang paling kreatif.  
• Keputusan PUSPAKOM adalah muktamad  
\* Untuk kenderaan persendirian sahaja

**Hadiah menarik menanti anda!**  
**1 x Hadiah Super Grand Prize (FB likes)**  
Telefon Pintar LENOVO S860 bernilai RM1,165  
**1 x Hadiah Super Grand Prize (Kreatif)**  
Telefon Pintar NOKIA LUMIA bernilai RM1,059  
**10 x Hadiah Utama**  
Kad Touch'n Go PUSPAKOM bernilai RM100  
**20 x Hadiah Saguhati**  
Cenderamata PUSPAKOM

 **#drivesafenoregrets**  
**“Write Caption & Win”**  
Pemeriksaan Kenderaan\* Sukarela Secara PERCUMA  
bermula 13 hingga 23 Jun 2017



\* Untuk Kenderaan Persendirian Sahaja